


Pertumbuhan Mikrob

- 16 Maklumat di bawah menunjukkan beberapa faktor.

W – Air	Y – Cahaya
X – Udara	Z – Nutrien

Antara faktor-faktor berikut, yang manakah mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma?

- A W dan X
B Y dan Z
C W, X dan Z
D X, Y dan Z
- 17 Rajah 7 menunjukkan satu penyiasatan. Dua keping roti P dan Q direnjis dengan air dan diikat dalam beg plastik. Roti P diletakkan di dalam almari manakala roti Q diletakkan di dalam peti sejuk.



Rajah 7

Antara yang berikut, yang manakah merupakan pemerhatian bagi penyiasatan ini?

- A Roti P mempunyai tompok-tompok hitam selepas 2 hari.
B Roti Q mempunyai tompok-tompok hitam selepas 2 hari.
C Kedua-dua roti mempunyai tompok hitam selepas 2 hari.
D Tiada apa-apa perubahan pada kedua-dua roti.
- 18 Maklumat di bawah menunjukkan empat biji buah pear yang diletakkan di tempat yang berlainan. Kesemua buah pear itu dibiarkan selama seminggu.


Buah J – dalam almari
Buah K – dalam peti sejuk
Buah L – atas meja
Buah M – dalam plastik

Buah pear manakah yang masih elok dan boleh dimakan selepas seminggu?

- A Buah J C Buah L
B Buah K D Buah M

Kesan Buruk Mikroorganisma


- 19 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan buruk mikroorganisma?
- A Pembentukan baja
B Pereputan bahan buangan
C Keracunan makanan
D Membuat adonan roti naik
- 20 Rajah 8 menunjukkan sejenis penyakit kulit pada seorang budak lelaki.



Rajah 8

Apakah penyebab penyakit ini?

- A Virus C Fungi
B Bakteria D Alga
- 21 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan buruk mikroorganisma pada makanan?
- A Menjadikan makanan sedap
B Menjadikan buah cepat matang
C Menyebabkan perubahan tekstur, bau dan rasa makanan
D Menyebabkan makanan tahan lama
- 22 Rajah 9 menunjukkan keadaan gigi Razif.



Rajah 9

Apakah mikroorganisma yang menyebabkan giginya rosak?

- A Virus C Protozoa
B Fungi D Bakteria

Siapkan


- 23 Antara penyakit-penyakit berikut, yang manakah disebabkan oleh mikroorganisma?

A Sakit jantung C Kencing manis
B Selsema D Osteoporosis

- 24 Antara yang berikut, yang manakah yang benar?

	Penyakit	Penyebab
A	Beguk	Virus
B	Panau	Virus
C	Kurap	Bakteria
D	Malaria	Fungi

- 25 Rajah 10 menunjukkan sejenis virus.



Rajah 10

Apakah penyakit yang disebabkan oleh virus ini?

A Cirit birit C Kurap
B AIDS D Malaria

- 26 Maklumat berikut menunjukkan dua jenis penyakit.

- Tuberkulosis
- Taun

Apakah mikroorganisma yang menyebabkan penyakit di atas?

A Virus C Fungi
B Bakteria D Protozoa

- 27 Maklumat di bawah menunjukkan simptom satu penyakit berjangkit yang dialami oleh Rina.

- Demam
- Ruam bentuk gelembung berisi air

Apakah penyakit yang mungkin dialami oleh Rina?

A Tuberkulosis C Cacar air
B Taun D Konjunktivitis

- 28 Maklumat di bawah menunjukkan empat jenis penyakit pada manusia.

J – Demam campak
K – Diabetes
L – Kanser
M – Tuberkulosis

Penyakit manakah yang berjangkit?

A J dan K
B L dan K
C K dan M
D J dan M

- 29 Maklumat di bawah menunjukkan memo yang diletakkan pada pintu sebuah taska.

Taska ditutup sementara kerana terdapat wabak penyakit berjangkit.

Apakah kemungkinan penyakit berjangkit itu?

A Karies gigi
B Demam denggi
C Cacar air
D Kurap

- 30 Antara mikroorganisma berikut, yang manakah menyebabkan penyakit konjunktivitis?

A Virus
B Bakteria
C Fungi
D Protozoa

- 31 Antara yang berikut, yang manakah merupakan sebab berlakunya pereputan gigi?

A Bakteria menukarkan makanan kepada asid yang mereputkan gigi
B Bakteria bertindak balas dengan air liur menyebabkan pereputan gigi
C Makan makanan yang keras dan manis
D Makan makanan yang dicemari mikroorganisma